

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD  
TAHIR**  
**KAWASAN : TEMERLOH**  
**TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 44**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan penglibatan pekerja tempatan dalam industri pembinaan. Apabila Kerajaan telah mengumumkan pembekuan pengambilan baharu pekerja asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing dan juga memberi peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menyediakan program kepada belia dan pekerja tempatan melalui program-program yang dapat membantu mereka menceburi bidang pekerjaan dalam industri pembinaan. Antara program yang disediakan adalah seperti berikut:

- 1) Program Latihan Kompetensi Kemahiran Belia dalam bidang berimpak tinggi: Menyediakan peluang latihan kompetensi kemahiran di enam (6) Akademi Binaan Malaysia (ABM) dalam tred berimpak tinggi seperti *Welding, Scaffolding Erection, Air-Conditioning & Ventilation, Wireman, Chargeman, Gas Pipe Fitting, Blasting & Painting, Non Destructive Testing (NDT), Crane Operation, Plant Operation* dan *Plumbing* bagi tujuan penempatan di dalam industri pembinaan;
- 2) Program Perantisan Industri Pembinaan: Melaksanakan program perantisan dalam bidang kemahiran bertujuan bagi meningkatkan kebolehpasaran dan penempatan pekerjaan di dalam industri pembinaan;
- 3) Program Latihan Kompetensi Kemahiran Personel Binaan: Melaksanakan program latihan kemahiran (*reskilling/ upskilling/ multiskilling*) dan penilaian kompetensi kepada personel binaan tempatan dalam bidang kompetensi kemahiran bagi tujuan meningkatkan peluang pekerjaan; dan

**NO SOALAN : 44**

4) Pekerja tempatan dari sektor lain yang diberhentikan: Menyediakan program latihan dan penempatan pekerjaan kepada pekerja tempatan dari sektor lain yang diberhentikan.

Sekian, terima kasih.